

Xeralix Ointment

Betamethasone Dipropionate 0.05% w/w (as Betamethasone Dipropionate) dan Salicylic Acid 3% w/w

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Xeralix Ointment
2. Bagaimana Xeralix Ointment berfungsi
3. Sebelum menggunakan Xeralix Ointment
4. Cara menggunakan Xeralix Ointment
5. Semasa menggunakan Xeralix Ointment
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Xeralix Ointment
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh Kemaskini RiMUP
11. Nombor siri

Apakah kegunaan Xeralix Ointment

Xeralix Ointment digunakan bagi merawat:

- Hyperkeratotik (bahagian luaran kulit menjadi tebal) disertai dengan keradangan kulit.
- Dry corticosteroid-responsive dermatoses (kulit yang kering, cedera bersertai jangkitan kulit)

Bagaimana Xeralix Ointment berfungsi

Xeralix Ointment mengandungi betamethasone, sejenis steroid berfungsi merawat keradangan (merah, bengkak) dan kegatalan pada kulit.

Salicylic acid berfungsi untuk melembutkan lapisan atas kulit.

Sebelum menggunakan Xeralix Ointment

Bila tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan Xeralix Ointment jika anda:

- Mengalami masalah rosacea, jerawat, dermatitis perioral (keradangan kulit di sekeliling mulut), pruritis perianal dan genital (kegatalan kulit yang teruk)
- terdapat alah terhadap bahan yang terkandung di dalam ubat ini
- Luka disebabkan virus, terutamanya herpes simplex, vaccinia (smallpox) dan varicella (chickenpox)
- Letupan napkin rash (keradangan), jangkitan kulat atau kuman di bahagian kulit yang belum dirawat

Sebelum menggunakan Xeralix Ointment

Beritahu doktor atau ahli farmasi jika:

- Anda hamil atau merancang untuk hamil
- Anda sedang menyusukan anak.

Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat yang lain, termasuk ubat

yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Cara menggunakan Xeralix Ointment

Berapa banyak harus digunakan

Ointment ini adalah untuk penggunaan luaran sahaja.

Sapu krim dengan lapisan yang nipis pada kawasan kulit yang terjangkit 2 kali sehari.

Tempoh rawatan

Jika digunakan pada kanak-kanak atau pada bahagian muka, jangan guna melebihi 5 hari. Penggunaan bagi tempoh masa panjang tidak digalakkan bagi semua tahap umur.

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

Berapa lama perlu digunakan

- Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.
- Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil ubat ini untuk tempoh masa yang lebih panjang.

Jika anda terlupa menggunakannya

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Menggunakan ointment ini sebaik sahaja anda teringat. Kemudian, teruskan rawatan seperti biasa.

Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Penggunaan berlebihan Xeralix Ointment untuk jangka masa panjang mungkin akan mengakibatkan sindrom Cushing, iaitu pembentukan lemak pada muka yang menyebabkan muka yang bulat, otot lemah, mudah lebam, jerawat, regangan kulit, berat badan bertambah.

Hentikan penggunaan Xeralix Ointment dengan perlahan.

Semasa menggunakan Xeralix Ointment

Perkara yang perlu dilakukan

- Basuh tangan sebelum dan selepas menggunakan krim ini.
- Bersihkan dan keringkan bahagian kejangkitan sebelum menyapukan krim.

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Xeralix Ointment.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Xeralix Ointment adalah untuk kegunaan luaran sahaja. Ointment ini tidak boleh dimakan atau diguna pada mata.
- Jangan melebihi dos yang dibenarkan.
- Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan berkongsi Xeralix Ointment dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

Perkara yang perlu diberi perhatian

- Sila berunding dengan doktor anda atau ahli farmasi, terutamanya kepada mereka yang terdapat alahan dengan ubat ini.

AMARAN

Semasa menggunakan salap ini untuk masalah kulit:

- Elakkan dari terkena mata dan mulut
- Elakkan penggunaan salap ini dengan pembalut luka occlusive
- Elakkan penggunaan salap ini pada luka terbuka
- Elakkan penggunaan dalam jangka panjang; pada muka; dan juga dalam kalangan kanak-kanak.
- Hentikan penggunaan sekiranya kemunculan iritasi dan sensitasi kulit
- Hentikan penggunaan sekiranya kemunculan kulit kering yang serious
- Rujuk doktor pakar mata sekiranya mengalami masalah penglihatan kubur ataupun yang lain
- Jauhi dari asap ataupun api

Elakkan penggunaan untuk Individu yang mengalami alahan kepada ubat aspirin dan/atau NSAIDS

Seperti ubat-ubatan lain, ubat ini boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun

bukan semua orang mengalaminya. Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Kesan-kesan sampingan yang boleh disebabkan oleh kortikosteroid topikal termasuk pempipisan kulit, tanda regangan kulit serta jerawat.

Kegunaan dalam jangka masa panjang, dalam kuantiti yang banyak, atas luka terbuka serta dalam pembalut luka occlusive boleh menyebabkan sindrom Cushing.

Kesan-kesan sampingan yang lain termasuk kepanasan, kegatalan, iritasi, kulit kering, folliculitis (radang folikel rambut), hypertrichosis (pertumbuhan rambut yang berlebihan), acneiform eruptions, hipopigmentasi, dermatitis perioral dan dermatitis sentuh allegik.

Jika anda mengalami tanda-tanda berterusan melebihi 7 hari, sila berjumpa dengan doktor, doktor gigi atau ahli farmasi.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [*Consumers* → *Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

Cara penyimpanan dan pelupusan Xeralix Ointment

Penyimpanan

Simpan di bawah 30°C.

Jauhi dari kanak-kanak.

Tarikh luput produk ini ditunjukkan pada bungkusan.

Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

Rupa dan warna produk

Setiap tiub mengandungi 15g salap berwarna putih.

Bahan- bahan kandungan

Bahan aktif

Betamethasone Dipropionate
Salicylic Acid

Bahan tidak aktif

Liquid Paraffin
White Soft Paraffin

Nombor MAL

MAL

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Xepa-Soul Pattinson (Malaysia) Sdn Bhd
1-5 Cheng Industrial Estate,
75250 Melaka,
Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

08/08/2022

Nombor siri

NPRA (R2) 22/102